

NO. SOALAN: 138

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [PUTATAN]**

**TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan dan negeri ke atas cadangan pembentangan Rang Undang-undang persendirian oleh parti PAS (Parti Islam SeMalaysia) bagi penguatkuasaan hukum hudud.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Kuasa negeri, berkenaan dengan pewujudan dan penghukuman kesalahan

terhadap perintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan.

Kerajaan sedia maklum terdapat Kerajaan Negeri yang berhasrat untuk melaksanakan undang-undang jenayah Syariah. Walau bagaimanapun, bagi memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, peruntukan undang-undang sedia ada perlu diteliti sebelum hasrat berkenaan dapat dilaksanakan.

Berhubung dengan Rang Undang-Undang Ahli Persendirian (*Private Member's Bills*) oleh ahli bukan ahli Kerajaan yang mewakili Kerajaan Negeri, bolehlah membentangkannya di Dewan ini.

Sekian, terima kasih.